

## PENYATA PENDEDAHAN PRODUK / PRODUCT DISCLOSURE SHEET



BANK SIMPANAN NASIONAL

Sila baca dan fahami Penyata Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil **BSN Micro Madani Bumiputera**. Sila pastikan anda juga membaca terma-terma di dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan daripada BSN jika anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma-terma amnya.

*Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take out the **BSN Micro Madani Bumiputera**. Be sure to also read the terms in the letter of offer. Seek clarification from BSN if you do not understand any part of this document or the general terms*

### BSN Micro Madani Bumiputera

Tarikh / Date : \_\_\_\_\_  
Untuk diisi oleh Eksekutif Kewangan /  
Cawangan / To be filled in by Financial Executive /  
Branch Representative)

#### 1. Apakah produk ini? / What is this product about?

BSN Micro Madani Bumiputera ialah satu kemudahan pinjaman yang ditawarkan kepada usahawan mikro bumiputera untuk membantu mereka yang berhasrat mengembangkan perniagaan. / *BSN Micro Madani Bumiputera is a micro loan facility offered to bumiputera micro entrepreneurs aimed at providing financial assistance to those intending to expand their businesses.*

#### 2. Apa yang boleh saya perolehi dari produk ini? / What do I get from this product?

Amaun Pinjaman / Loan Amount	RM50,000
Tempoh Pinjaman / Loan Tenure	5 tahun / 5 years
Kadar Faedah pada kadar asas tetap / Interest Rate based on flat rate basis	3.50% setahun / 3.50% per annum

Nota / Note: Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja / *The above example is only for illustration*

#### 3. Apakah tanggungjawab saya? / What are my obligations?

Butiran / Details	Amaun / Amount
Satu (1) bulan ansuran terdahulu / One (1) month of advance payment	RM 980
Bayaran Ansuran Bulanan / Monthly Instalment	RM 980
Bayaran Ansuran Bulanan Terakhir / Final Instalment	RM 930
Jumlah Keseluruhan Pinjaman yang Perlu Dibayar / The Total Payment of The Loan	RM 58,750

Nota / Note : Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja / *The above example is only for illustration*

#### 4. Apakah fi lain yang perlu saya bayar? / What other fees do I have to pay?

Bil./ No.	Jenis Fi / Type of Fee	Perincian / Details
01.	Duti Setem untuk Surat Tawaran / Stamp Duty on Letter of Offer	RM10
02.	Duti Setem untuk lain-lain Dokumen Sekuriti (jika ada) / Stamp Duty on other Security Document (if any)	RM10
03.	Reducing Term Assurance (RTA) (pilihan / optional)	(Berbeza berdasarkan umur / tempoh / jumlah pinjaman) / (Vary based on the age/ tenure / total loan)
04.	Pelan Perlindungan Pinjaman Micro / Micro Finance Premium Plan: (pilihan / optional) Ya / Yes <input type="checkbox"/> Tidak / No <input type="checkbox"/>	i. Pelan 1 (RM21.20) x Tempoh Pinjaman / Plan 1 (RM21.20) x Loan Tenure ii. Pelan 2 (RM74.20) x Tempoh Pinjaman / Plan 2 (RM74.20) x Loan Tenure
05.	Fi Wasiat (jika ada) / Wasiat Fee (if any)	RM500
06.	Fi Pemprosesan untuk Pengecualian Duti Setem / Processing Fee for Stamp Duty Exemption	RM10

Nota / Note:

Semua fi adalah dengan sekali pembayaran sahaja dan akan ditolak dari amaun pinjaman / *All fees are one-off payment only and will be deducted from the loan amount.*

**5. Apakah implikasi sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab? / What if I fail to fulfil my obligations?**

- Denda lewat bayar sebanyak satu peratus (1%) setahun akan dikenakan ke atas amaun yang tertunggak yang dikira mengikut bilangan hari tertunggak jika anda gagal atau lewat membuat bayaran di dalam tempoh yang ditetapkan oleh Bank. / *If you fail to make payment of the amount due within the stipulated time, you shall be charged late payment penalty on the overdue amount at the rate of 1% per annum calculated on daily basis.*
- Bank berhak membuat tolakan (*set-off*) atau memindahkan apa-apa jumlah yang terhutang pada satu atau mana-mana akaun anda di Bank untuk menyelesaikan obligasi dan liabiliti yang terhutang dan perlu dibayar oleh anda kepada Bank tertakluk kepada notis diberikan kepada anda dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum tolakan (*set-off*) atau pindahan tersebut dilaksanakan. / *The Bank may set-off or transfer any credit balance in your account maintained with the Bank against any outstanding amount in this loan account by giving seven (7) days prior notice before such set-off or transfer.*
- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk bertindak balas terhadap notis peringatan dan kos berhubung apa-apa tindakan undang-undang yang diambil oleh Bank terhadap anda akan ditanggung oleh anda - jika ada. / *Legal action will be taken if you fail to respond to reminder notices and legal cost will be borne by you - if applicable.*
- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan kepada rekod kredit anda yang akan menyebabkan kemudahan kredit anda menjadi lebih sukar. / *Legal action against you may affect your credit rating leading to credit being more difficult or expensive to you.*

**6. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan sepenuhnya pinjaman sebelum tarikh matang? / What if I fully settle the Loan before its maturity?**

- Penjelasan awal dibenarkan pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis secara bertulis kepada Bank. / *Early settlement is allowable at any time by providing a written notice to the Bank.*
- Bank berhak untuk mendebitkan ke dalam akaun pinjaman anda atas segala perbelanjaan yang telah didahulukan oleh Bank sekiranya pada masa penjelasan awal tersebut Bank masih belum mendapat balik kos awal (*initial cost*) bagi pinjaman ini. / *Bank has the right to debit customer's loan account for any cost advanced by the Bank if the amount is yet to be recovered during early settlement.*

**7. Apakah risiko utama yang akan saya hadapi? / What are the major risks?**

Pihak Bank berhak untuk mengambil segala langkah yang wajar (termasuk tindakan undang-undang) ke atas anda / penjamin (jika ada) untuk mendapatkan semula hutang yang belum dijelaskan. / *The Bank reserves the right to take all reasonable steps (including legal action) against you/ the guarantor (if any) to recover the outstanding debt.*

**8. Adakah permohonan saya memerlukan penjamin atau cagaran? / Do I need a guarantor or collateral?**

Pihak Bank berhak untuk meminta anda menyediakan penjamin (sekiranya perlu). / *The Bank reserves the right to request for a guarantor (if necessary).*

**9. Adakah saya perlu mengambil Insurans? / Do I need any Insurance?**

Anda digalakkan untuk mengambil Perlindungan Insurans [*Reducing Term Assurance (RTA)*]. RTA yang diambil adalah berdasarkan amaun pinjaman dan akan dibayar jika berlaku kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh. Bayaran premium dikenakan hanya sekali kepada anda sebagai benefisiari dan akan ditolak dari amaun pinjaman semasa pembayaran dilakukan. / *You are encouraged to subscribe to Reducing Term Assurance (RTA). The RTA is subject to the loan amount and will be paid in the event of death or total permanent disability. The premium amount is charged to you only once, where you stand as a beneficiary and shall be deducted from the loan amount during disbursement.*

**10. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya? / What do I need to do if there are changes to my contact details?**

Adalah sangat penting untuk anda memaklumkan kepada Bank secara bertulis atau melalui emel jika terdapat sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda. Ini bagi memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. / *It is important that you inform us any changes in your contact details (in writing or email) to ensure that all correspondences reach you in the timely manner.*

**11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan atau maklumat lanjut? / Where can I get assistance and redress?**

Jika anda mempunyai kesukaran membuat pembayaran, anda perlu menghubungi pihak Bank dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran. Anda boleh hubungi kami di: / *If you have difficulties in making monthly payments, you should contact us earliest possible to discuss payment alternatives. You may contact us at:*

**Pusat Perhubungan Pelanggan  
Bank Simpanan Nasional  
Tel: 1300 88 1900 / 03-2613 1900 (Luar Negara) / (Overseas)  
Emel/Email: [customercare@bsn.com.my](mailto:customercare@bsn.com.my)**

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan Perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma berkaitan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di / *Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counselling and debt restructuring for individuals. You can contact AKPK at:*

Jika anda ingin mengemukakan aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi pihak bank di / *If you wish to complaint on the products or services provided by us, you may contact us at:*

**Pusat Perhubungan Pelanggan**  
**Bank Simpanan Nasional**  
**Tel: 1300 88 1900 / 03-2613 1900 (Luar Negara) / (Overseas)**  
**Emel/Email: [customercare@bsn.com.my](mailto:customercare@bsn.com.my)**

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK di / *If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK at:*

**BNMLINK**  
**Jabatan Komunikasi Korporat**  
**Bank Negara Malaysia**  
**P.O.Box 10922**  
**50929 Kuala Lumpur**  
**Tel: 1300 88 5465**  
**Borang Web/Web Form: <https://bnmlink.bnm.gov.my/>**

**Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**  
**Tingkat 5 dan 6,**  
**Menara Bumiputra Commerce,**  
**Jln Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur**  
**Tel: 03-2616 7766**  
**Emel/Email : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)**

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Khidmat Nasihat Pinjaman di Credit Guarantee Corporation Malaysia yang memberikan nasihat kewangan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang tidak dapat memperoleh pinjaman PKS daripada institusi kewangan. Sekiranya anda berminat untuk menerima khidmat nasihat daripada Khidmat Nasihat Pinjaman @ CGC, sila hubungi / *Alternatively, you can get the Loan Advice Service at Credit Guarantee Corporation Malaysia which provides financial advice to Small and Medium Enterprises (SMEs) who cannot obtain SME Loan from financial institutions. If you are interested in receiving advice from Khidmat Nasihat Pinjaman @ CGC, please get in touch:*

**Laman web/Website: <https://www.bnm.gov.my/MyKNP>**

## 12. Dimana boleh saya memperolehi informasi dengan lebih lanjut? / *Where can I get further information?*

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai pinjaman mikro kewangan, sila rujuk laman web [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my) / *Should you require additional information on Micro Finance Loan, please refer [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my) website.*

## 13. Lain-lain produk Skim Pinjaman Mikro Kewangan BSN yang disediakan / *Other micro loan packages available*

- BSN Micro-i (Cashline)
- BSN Micro-i (PKBC - Tawarruq)
- BSN Micro (PKBC)

### **PENAFIAN / DISCLAIMER :**

Terma dan syarat di dalam Penyata Pendedahan Produk ini hanya sebagai maklumat dan tidak muktamad. Terma dan syarat yang muktamad adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran selepas penilaian dan kelulusan pihak Bank. / *The terms and conditions indicated in this Product Disclosure Sheet are tentative / indicative and not binding on the Bank. The final terms and conditions are as stipulated in the Letter of Offer after loan approval.*

Saya dengan ini telah membaca dan memahami terma dan syarat di atas / *Hereby I have read and understand the terms and conditions above.*

\_\_\_\_\_

Tandatangan Pelanggan / *Customer's Signature*

**CATATAN PENTING : TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIKENAKAN SEKIRANYA BERLAKU**  
**KEMUNGKIRAN DALAM PEMBAYARAN PINJAMAN MIKRO ANDA. /**  
**IMPORTANT NOTE : LEGAL ACTION MAY BE TAKEN AGAINST YOU IF YOU DO NOT KEEP UP PAYMENTS ON**  
**YOUR MICRO LOAN.**

Semua maklumat yang diberikan dalam Penyata Pendedahan Produk ini adalah sah mulai 24 Jun 2024 / *All information provided in this Product Disclosure Sheet is valid with effect from 24 June 2024.*